

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018

KESUSASTERAAAN MELAYU

2215

Oktober

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian Satu dan Bahagian Dua.*
2. *Jawab semua soalan Bahagian Satu.*
3. *Jawab tiga soalan Bahagian Dua, iaitu satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian Satu

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1. Amboi , amboi, adat tiruan , resam terpaksa !
Umpama gajah menjadi rusa;
Oleh ragi campuran bangsa,
Adab tertib habis binasa!

Dipetik daripada Puisi Tradisional dalam antologi Nilai Insan

Nyatakan dua ciri yang terdapat dalam petikan puisi tradisional di atas. [4 markah]

2. *Setelah raja naga itu mendengar kata anak miskin itu, maka datanglah belas dalam hatinya akan budak itu seraya katanya, "Baiklah, kerana engkau sudah kuambil jadi cucu kepada aku dan jikalau lain daripada engkau tiadalah aku berikan cincinku ini. Adapun akan gunanya cincin ini terlalulah amat kesaktiannya. Jikalau ada seribu orang sekalipun cucuku hendak beri makan dengan seketika itu juga keluarlah hidangannya itu dengan berbagai-bagai rupanya".*

Dipetik daripada Sastera Hikayat, HikayatParang Puting

Nyatakan dua ciri sastera hikayat yang terdapat dalam petikan prosa [4 markah]
tradisional di atas.

3. *Kemudian bertitah pula permaisuri, " Aria ningsun, baik juga kiranya jika tuan pergi ke hutan berburu kijang dan pelanduk.Jika dapat bawa balik hidup-hidup kepada bonda."*
"Baiklah bonda," sembah Raden Menteri. "Patik akan mencari seperti kehendak bonda itu.Esok patik kerjakan titah tuanku itu".

Dipetik daripada Sastera Panji, Raden Menteri Diperintah Pergi Berburu

Nyatakan satu nilai berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional di atas.

[4 markah]

- 4.
- Kita menghulur jemari hati
menghantar pesan seloka
mengirim diksi dari langit
mantera dari rumpun Melayu
air mawar dari sumur nusantara
satukan menjadi jamu cinta
kita santap dalam pentas terbuka
di anjung pelbagai sejuta budaya
duduk-duduk berlamalah di sini
sambil menganyam citra pelangi
di wajah 1 Malaysia

Dipetik daripada sajak Citra Pelangi 1 Malaysia Karya A.Halim Ali

Nyatakan dua gaya bahasa yang terdapat dalam petikan sajak di atas.

[4 markah]

5. ZAKI : Memang, aku sayangkan bangsa dan negaraku,Anna. Tetapi ini tak menegahku daripada bersikap rasional. Bangsa dan negaraku yang muda ini sedang berjuang mengisi kemerdekaan kami walaupun Inggeris banyak meninggalkan parut-parut luka, tapi memang banyak juga contoh yang kami dapat daripada Inggeris, disiplin yang baik, misalnya.... .

Dipetik daripada drama Anna oleh Kemala

Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas. [4 markah]

- 6.

MAT PIAH : Amuk?Amuk? Engkau jangan curi amuk kami! Hanya orang Melayu saja yang boleh amuk. Engkau tak boleh amuk! Tak boleh! Semuanya sudah disamun daripada kami. Portugis samun kami. Belanda samun kami. Jepun samun kami. Bangsa kausamun kami. Harga diri kami, hak kami, tanah kami, emas kami, bijih kami, getah kami, perak kami, semuanya sudah dicantas ludes. Latah dan amuk kamipun engkau nak kebas!

(Dipetik daripada drama MAT PIAH dan MR BLACKWAY oleh Mahizan Hussain)

Berdasarkan petikan, berikan **satu persoalan** berserta contoh.

[4 markah]

7.

Selepas semuanya itu terputus daripada badan, dia hanyalah seorang arwah. Yang tidak punya apa-apa, kecuali amal jariah dan kasih sayang yang ditinggalkannya semasa dia masih berkuasa. Dan itu pun bukan sebanyak mana. Cuma Pak Dol dan Mak Limah yang menangi jenazah Abang Said. Hal ini kerana Abang Said pernah membiayai pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu. Hanya mereka ini yang mendapat tempas rezeki Abang Said. Dan mereka ingat. Jasa itu sampai ke hati mereka. Seperti salam mereka yang bertudung labuh

Dipetik daripada cerpen *Perspektif* oleh NF Abdul Manaf

Nyatakan **dua** perwatakan Abang Said yang terdapat dalam petikan. [4 markah]

8.

Pernah kaukata yang kes kami akan kaubawa ke meja seminar antarabangsa. Katamu, di situ akan kau kecam budaya hidup manusia moden yang suka mencemar dan membuang semua kotoran ke laut. Hendak engkau tentang penerokaan tanah hutan kerana tanah merah yang terhakis dari situ mengerukan biru laut.

(Dipetik daripada cerpen Kami Akan Mati, Lin
oleh Seroja Theavy Balakrishnan)

Berikan **satu teknik plot** berserta contoh.

[4 markah]

9.

“Kita di Ogonshoto sudah melupakan adat turun-temurun,” ujar lelaki tua itu “Dulu kala, jika ada pihak yang bermasalah, duduk berkumpul orang-orang kita di bawah pokok palma sambil berbincang mencari jalan penyelesaian. Sekarang, baik penduduk Rai-Rapa dan Futu-Ata, mahupun di Gora-Gora ini, sudah tidak menghargai cara turun temurun.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*, Oleh Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua latar masyarakat** yang terdapat dalam petikan.

[4 markah]

10.

Lelaki tua itu hanya tersenyum kecil sambil menyusun kayu apinya. Tetangga telah pulang ke rumahnya. Hari mula senja. Lelaki tua itu memandang ke arah Selat Morouka permukaannya kemerah-merahan, seperti sedang menghanyutkan lahar gunung berap yang panas itu.

(dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*)

Berikan satu sudut pandangan berserta contoh berdasarkan petikan.

[4 markah]

Bahagian Dua
[60 *markah*]
Bahagian A
(Puisi Tradisional dan Prosa Klasik)

Jawab sama ada **Soalan 1** atau **Soalan 2**.

1. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Gurindam Beberapa Petua Hidup

Orang malas jatuh sengsara,
Orang rajin banyak saudara.

Barang siapa mungkir janji,
Namanya tentu menjadi keji.

Kalau diri kena angkara,
Turutlah susah sanak saudara.

Segala maksiat ada di dunia,
Ikhtiarkan diri menjauhi dia.

Hukuman bagi orang berdosa,
Dengan tiada memandang bangsa.

Orang perempuan manusia juga,
Kehormatan dirinya wajib dijaga.

Kalau tiada emas di pinggang,
Sanak saudara menjadi renggang.

Ada wang badan tak sihat,
Tidak bernikmat apa dibuat.

Jika diturut kehendak hati,
Kelak boleh menjadi mati.

Kunci hati ialah iman,
Kepada kelakuan jadi pedoman.

Kalung Bunga, 2008
Dewan Bahasa dan Pustaka

- a) Jelaskan maksud rangkap satu hingga rangkap tiga puisi. [6 markah]
- b) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam puisi. [6 markah]
- c) Huraikan empat ciri puisi berserta contoh. [8 markah]

2. Berdasarkan Sastera Epik , jawab soalan-soalan berikut.

- a) Huraikan empat unsur sejarah berserta contoh. [8 markah]
- b) Huraikan empat perwatakan Laksamana Hang Tuah berserta contoh. [12 markah]

Bahagian B

(Puisi Moden dan Drama)

Jawab sama ada **Soalan 3** atau **Soalan 4** .

3. Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kembali ke Rumah Nurani

Marilah kembali ke rumah nurani
rumah diri yang tersergam di tanah batini
perabungnya teguh berpaksikan akal budi
bumbungnya tegal beratap insani
walau datang desir dari langit serakah
kau tetap gagah menaungi rumah peribadi
yang indahnyanya menawan mata kagum
dalam redup luhur mendepani lorong-lorong
sepanjang lebuhan kehidupan.

Rumah nuranimu biar berjendelakan renda susila
menutupi kamar diri
berpagar akrab peradaban warisan moyang
meski angin hitam berjelaga hedonisme
singgah menyilukan bahasa leka
kau tidak mudah dibelai gemalai tipu daya
kerana dinding imanmu ampuh melawan
segala sihir gejala yang merasuk ke segenap ruang
rumah kehidupan.

Biar rumah kita terbina dengan acuan bangsa
berukir akal budi melarik bunga tradisi
di sini kita menukang cinta dan menyulam bahagia
di kebun hayat yang sementara.

(Kemaman)

Husna Nazri

Dewan Masyarakat, Januari 2011

Dewan Bahasa dan Pustaka

- a) Huraikan nada sajak tersebut. Berikan contoh. [4 markah]
- b) Nyatakan empat gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam sajak tersebut [8 markah]
- c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan pendidikan. Panjang sajak hendaklah antara 12 baris hingga 15 baris. [8 markah]

4. Berdasarkan drama Anna karya Kemala, jawab soalan-soalan berikut.

- a) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam drama [4 markah]
tersebut.
- b) Berdasarkan keseluruhan drama, huraikan dua [8 markah]
perbandingan perwatakan antara Anna dan Zaki.
- c) (*Pengumuman terakhir tentang keberangkatan kapal terbang*).

ZAKI :Anna,engkau pergi juga?

ANNA :Ya, Zaki.

TINA (*seperti baru sedar akan hal sebenarnya* : Jangan tinggalkan Tina,mummy!Mummy!Mummy. Tina nak ikut mummy! (TINA memaut kaki ANNA)

ANNA :Mummy pergi kejap saja.

TINA :Mummy,mummy.Tina nak ikut mummy,mummy.(Memeluk ibunya dengan kuat.ANNA menolak TINA.TINA jatuh.Teddy bearnya tercampak.ANNA mengambil beg tangan dan overcoatnya,TINA mengejar dari belakang memegang hujung gauh ibunya.ANNA menolak lagi.TINA jatuh).

ZAKI :Anna! (*Berlari mendapatkan anaknya.ANNA melangkah dengan cepat masuk ke dalam Bilik Menanti dan terus ke lapangan terbang*). Diam,sayang, daddy ada sama nenek. Diam,sayang. (*Memeluknya dan memberikan balik teddy bear kepada TINA yang teresak-esak dan mendekati MAK MUNAH.MAK MUNAH mengusap-usap rambut TINA*).

Berdasarkan petikan drama yang diberi, cipta empat dialog [8 markah]
untuk kesudahan petikan drama tersebut.

Bahagian C

(Cerpen dan Novel)

Jawab sama ada **Soalan 5** atau **Soalan 6**.

5. Berdasarkan cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf jawab soalan-soalan berikut.

- a) Huraikan empat nilai berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut. [8 markah]
- b) Nyatakan empat latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut. [12 markah]

6. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan jawab soalan-soalan berikut.

- a) Nyatakan empat latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

b)

“Jangan bertapi-tapi dengan saya,”balas orang dari Tatamanu.“ Hanya kamu yang gemar mempersulit sesuatu yang mudah.Kata lelaki tua ini,`akan tiba`,jadi saya menunggu ketibaannya.”

“Apakah yang tuan akan tunggu? ” tanya pentafsir Aitu sambil melihat resi tua meninggalkan mereka, menuju laut.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan

Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan tersebut [12 markah] supaya menjadi cerita yang menarik. Panjang cerita hendaklah antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

KERTAS SOALAN TAMAT